

TERMA RUJUKAN

SKIM DANA PADANAN MYCREATIVE 2026

RINGKASAN

Hebahan Permohonan	Tarikh Tutup Permohonan (bagi tujuan pemprosesan)
27 FEBRUARI 2026	27 MEI 2026

MyCreative Ventures Sdn. Bhd. berhak untuk mengubah garis masa jadual yang dinyatakan di atas tanpa sebarang notis terlebih dahulu, tertakluk kepada baki peruntukan yang tersedia di bawah Belanjawan 2024 Malaysia.

1. Apakah Skim Dana Padanan MyCreative?

- 1.1. Skim Dana Padanan MyCreative (“Program”) ialah satu inisiatif geran oleh Kerajaan Malaysia yang dilaksanakan oleh MyCreative Ventures Sdn Bhd (“MyCreative”) dan telah diumumkan sebagai sebahagian daripada Belanjawan 2024 selaras dengan aspirasi ekonomi MADANI untuk merangsang dan memperkasa industri kreatif tempatan.
- 1.2. **Program ini menyediakan geran padanan 1-dengan-1 (1-to-1) sehingga jumlah maksimum RM250,000.00 secara tunai (cash funds)** yang diperoleh bagi pembiayaan projek-projek kreatif oleh entiti berdaftar dalam sektor kreatif Malaysia.
- 1.3. Fokus utama Program ini adalah kepada sektor-sektor berikut, tetapi tidak terhad kepada, seni persembahan, seni visual, penggiatan semula kraf, muzik, kandungan kreatif digital, dan seni multidisiplin atau merentas disiplin. Permohonan di bawah sektor-sektor kreatif lain yang termasuk dalam senarai tonggak kreatif MyCreative (“Tonggak Kreatif MyCreative”)¹ boleh dipertimbangkan sekiranya memenuhi kriteria dan tujuan asal Program ini.
- 1.4. Program ini bertujuan untuk mewujudkan industri kreatif yang lebih lestari dengan menyokong penciptaan karya asli baharu yang berpotensi untuk memberi impak jangka panjang dan/atau berkeupayaan untuk mempamerkan daya maju komersial yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan perniagaan teras pemohon.
- 1.5. Pemohon dikehendaki mengemukakan bukti dana padanan yang telah berjaya dikumpul semasa menghantar permohonan untuk Program ini. Bukti ini adalah penting untuk menentukan kelayakan pemohon bagi menerima geran.

¹ Tonggak kreatif MyCreative merangkumi seni persembahan, seni visual, kraf, penciptaan kandungan, pendidikan kreatif, seni kulinari, fesyen, seni tradisi & budaya, sastera, dan reka bentuk.

TERMA RUJUKAN

- 1.6. Bukti dana padanan yang telah diperoleh perlu memenuhi syarat awal dan proses penilaian wajar (*due diligence*) seperti berikut:

No.	Kriteria Kelayakan	Dokumen Sokongan
1	Pengesahan jumlah dana padanan 1-dengan-1 (1-to-1)	i. Penyata bank; dan ii. Surat Akuan Bersumpah (templat akan disediakan), (untuk disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah) untuk mengesahkan dana terbabit adalah bagi penggunaan projek yang dimaksudkan dan untuk memastikan kriteria geran dipenuhi.
2	Pengesahan daripada pembiaya atau penaja lain yang berwibawa dan dipercayai	Surat Komitmen daripada pembiaya atau penaja yang dipercayai yang menyatakan secara jelas jumlah keseluruhan, jangkaan garis masa pembayaran dan butiran lain yang berkaitan, tertakluk kepada keperluan MyCreative.

- 1.7. Sekiranya pemohon gagal mematuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan, MyCreative berhak, atas budi bicaranya yang mutlak, untuk tidak mempertimbangkan permohonan tersebut. Keputusan adalah muktamad dan mengikat.

- 1.8. Program ini bertujuan untuk:

- Memupuk penciptaan karya seni yang inovatif dan baharu yang asli.
- Menggalakkan hasil kreatif baharu yang bakal memberi manfaat kepada masyarakat tempatan dan mewujudkan perkongsian identiti budaya dan kebanggaan bersama.
- Menyokong organisasi kreatif dan penggiat ekosistem dalam mengembangkan karya kreatif mereka, sama ada bagi mendapatkan jangkauan yang lebih luas, berkembang ke pasaran baharu, atau mempelbagaikan karya kepada khalayak baharu.
- Membolehkan organisasi dan penggiat ekosistem dalam sektor seni dan kreatif untuk merealisasikan projek-projek baharu yang berpotensi menjana impak ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan menyumbang kepada ekonomi kreatif negara.

- 1.9. Projek-projek yang dicadangkan mestilah:

- Termasuk dalam sektor kreatif, tetapi tidak terhad kepada, seni persembahan, seni visual, muzik, kraf, kandungan kreatif digital, seni multidisiplin atau merentas disiplin. Sektor kreatif lain yang tergolong dalam senarai Tonggak Kreatif MyCreative boleh dipertimbangkan sekiranya ia memenuhi kriteria dan tujuan asal Program seperti yang dikehendaki oleh MyCreative.
- Menghasilkan karya asli baharu dan/atau harta intelek baharu dengan hasil seperti berikut:
 - Skip asli dan lengkap / skor / teks / transkrip daripada produksi atau persembahan, sekiranya berkenaan;

TERMA RUJUKAN

- b) Pembentangan, acara, dan/atau persembahan dalam bentuk rakaman / pameran / pembentangan secara langsung / persembahan / penghasilan petikan lengkap atau karya penuh;
 - c) Projek seni digital atau media untuk menghasilkan prototaip / demo yang boleh dimainkan / pratonton atau sedutan / hasil berasaskan video / platform digital dalam talian atau laman web, sekiranya berkenaan.
- iii. Mempunyai potensi impak jangka panjang dan/atau berkeupayaan untuk mempamerkan daya maju komersial yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan perniagaan teras pemohon serta memberikan manfaat yang lebih luas kepada industri kreatif Malaysia.
- 1.10. MyCreative berhak untuk memutuskan jumlah sokongan dana melalui budi bicara Jawatankuasa Penilai dan Jawatankuasa Pelulus berdasarkan perbincangan kedua-dua Jawatankuasa mengenai projek yang dicadangkan secara keseluruhan dan kosnya, serta kesesuaian cadangan tersebut dengan tujuan dan objektif. **Oleh itu, walaupun permohonan berjaya, pemohon mungkin tidak akan menerima jumlah dana padanan penuh seperti yang diminta dalam permohonan yang dikemukakan.**

2. Apakah tahap pembiayaan dan kos yang layak untuk Program ini?

- 2.1. Program ini menyediakan geran padanan 1-dengan-1 (1-to1) sehingga jumlah maksimum RM250,000.00 bagi sumbangan, tajaan, serta komitmen dalam bentuk wang tunai bagi pembiayaan projek-projek kreatif yang layak di bawah Program ini. Tajaan dan/atau sumbangan bukan kewangan, serta unjuran kutipan tiket, tidak diterima sebagai sebahagian daripada jumlah pembiayaan padanan anda.
- 2.2. Contoh-contoh kos yang layak dibiayai adalah seperti berikut:
- i. Bayaran / fi kepada tenaga kerja.
 - Contoh: artis, rakan usaha sama, perunding, kurator, pengarang lakon / dramaturg, penerbit, pencipta, pakar, penyunting, penterjemah, dll.
 - ii. Fasa penyelidikan, pembangunan dan penciptaan.
 - Contoh: kos bahan mentah untuk penciptaan karya, kos terhadap penyelidikan karya, kos terhadap penciptaan dan perancangan, kos untuk melibatkan perkhidmatan yang akan meninjau semula dan memperhalus karya, kos untuk membolehkan penambahbaikan sebagai sebahagian daripada fasa penyelidikan dan pembangunan, dll.
 - iii. Kos pembentangan, pelancaran atau persembahan.
 - Contoh: bayaran sewa studio / ruang tempat, aktiviti promosi atau pemasaran, sokongan teknikal, bayaran sewa peralatan, perkhidmatan dan kos yang berkaitan dengan produksi / penerbitan, kos aktiviti tambahan seperti sesi ceramah, perbincangan panel, perkongsian ilmu, dll.

TERMA RUJUKAN

- iv. Kos untuk penciptaan kandungan visual.
 - Contoh: videografi / fotografi / media sosial atau kos penciptaan kandungan digital, dll.
- v. Bayaran / fi untuk perkhidmatan profesional, sekiranya berkenaan.
 - Contoh: khidmat guaman, perundingan, perakaunan, insurans, lesen harta intelek dll.

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. MyCreative berhak, mengikut budi bicaranya, untuk meminda senarai ini pada bila-bila masa selepas penerbitan Terma Rujukan ini tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

2.3. Larangan transaksi dengan pihak berkaitan

- i. Pemohon yang berjaya tidak dibenarkan sama sekali membuat sebarang transaksi pembayaran dengan mana-mana pihak yang berkaitan dengan permohonan ini. Transaksi tersebut akan tidak boleh dituntut sebagai kos yang layak dibiayai.
- ii. Dalam konteks garis panduan ini, istilah 'pihak yang berkaitan' merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, mana-mana syarikat atau organisasi yang dimiliki sepenuhnya dan/atau berkaitan dan/atau dikawal oleh pemohon. Taksiran ini adalah hak mutlak MyCreative dan ia adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.

3. Siapakah yang layak untuk memohon Program ini?

- 3.1. Program ini terbuka kepada entiti kreatif yang berdaftar di bawah undang-undang Malaysia yang memiliki:
 - i. Pendaftaran di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
 - Contoh: Perniagaan, Perkongsian, Perusahaan, Pemilikan Tunggal dan Syarikat.
 - ii. Pendaftaran di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)
 - Contoh: Persatuan, dan Pertubuhan.
 - iii. Kerajaan Negeri yang dibenarkan oleh MyCreative.

TERMA RUJUKAN

- 3.2. Berikut adalah kriteria dan dokumen sokongan yang perlu dilampirkan dalam permohonan:

No.	Kriteria Kelayakan	Dokumen Sokongan
1	Pengasas dan/atau pengarah syarikat, organisasi, pertubuhan, atau persatuan mestilah seorang: i. warganegara Malaysia; ii. berusia 18 tahun ke atas; iii. tidak bankrup; dan iv. tidak mempunyai sebarang rekod jenayah atau sebarang tindakan undang-undang terhadapnya yang tertangguh / belum selesai di bawah mana-mana undang-undang Malaysia yang berkenaan.	i. Salinan Kad Pengenalan yang jelas bagi imej bahagian belakang dan hadapan pada halaman kertas A4 yang sama. ii. Surat Akuan Kebankrapan (templat akan disediakan) pengasas dan/atau pengarah yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah. iii. Laporan insolvensi pengasas dan/atau pengarah dari Jabatan Insolvensi Malaysia.
2	Syarikat, organisasi, pertubuhan, atau persatuan yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), atau Kerajaan Negeri yang dibenarkan oleh MyCreative, mengikut kesesuaian.	i. Dokumen SSM, yang berkaitan: a. Sijil perakuan pemerbadanan syarikat (Borang 9); b. Butiran pemegang syer (Borang 24); c. Butiran pengarah / pegawai (Borang 49); atau d. Sijil pendaftaran perniagaan (Borang D (Kaedah 13)); e. Sijil perakuan pembaharuan pendaftaran perniagaan, jika berkaitan (Borang E (Kaedah 13)); ii. Dokumen JPPM, yang berkaitan: a. Sijil Pendaftaran; dan b. Senarai Ahli Jawatankuasa. iii. Dokumen Kerajaan Negeri, yang berkaitan: a. Sijil ordinan syarikat; atau b. Sijil pendaftaran syarikat; atau c. Lesen Berniaga. iv. Surat kebenaran (templat akan disediakan) untuk MyCreative melakukan semakan CTOS, jika berkenaan, sebagai sebahagian daripada proses penilaian wajar (<i>due diligence</i>). Dokumen ini mestilah dicop dengan cop rasmi syarikat / organisasi.

TERMA RUJUKAN

4. **Siapakah yang tidak layak untuk memohon Program ini?**

4.1. MyCreative tidak akan mempertimbangkan permohonan anda jika anda:


- i. Memohon sebagai individu atau kumpulan / kolektif yang tidak berdaftar;
- ii. Tidak memenuhi kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 3 di atas;
- iii. Merupakan entiti yang ditubuhkan untuk tujuan bukan sekular (contohnya, untuk aktiviti kepercayaan, keagamaan, dll.) atau apa-apa tujuan lain yang mungkin mencetuskan kontroversi;
- iv. Merupakan penerima manfaat semasa bagi geran di bawah MyCreative yang masih belum melengkapkan dan menyerahkan hasil kerja akhir dan/atau telah disenaraihitam atas kegagalan dalam pelaksanaan program / inisiatif terdahulu;
- v. Merupakan penerima manfaat semasa bagi mana-mana program pembiayaan daripada agensi / badan / institusi / Kementerian di bawah Kerajaan Persekutuan Malaysia yang masih belum melengkapkan dan menyerahkan hasil kerja akhir dan/atau telah disenaraihitam atas kegagalan dalam pelaksanaan program / inisiatif terdahulu;
- vi. Merupakan individu dan/atau pengarah mana-mana organisasi yang dibiayai oleh MyCreative di bawah mana-mana produk / perkhidmatan pinjaman atau pelaburan, di mana mereka telah / sedang diambil tindakan oleh MyCreative kerana kegagalan memenuhi perjanjian pembiayaan, kemungkiran pembayaran atau sebarang perkara lain yang ditentukan oleh MyCreative;
- vii. Terlibat dengan sebarang penemuan yang buruk semasa proses penilaian wajar MyCreative yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, didakwa atau disiasat oleh mana-mana pihak berkuasa Malaysia, sama ada sebagai individu atau wakil organisasi;
- viii. Mencadangkan projek yang tidak mempunyai komponen jelas yang tertakluk di bawah Tonggak Kreatif MyCreative;
- ix. Mencadangkan projek yang tidak memenuhi kriteria kelayakan sebagaimana terkandung dalam Terma Rujukan ini;
- x. Mencadangkan projek yang mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan undang-undang Malaysia yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, menghina dan/atau merendahkan seseorang, kumpulan atau mana-mana kelas individu di atas dasar bangsa, agama dan/atau institusi diraja, mengancam keselamatan atau kestabilan negara, dll.;
- xi. Mengusulkan projek yang terutamanya bertujuan untuk mempromosikan matlamat keagamaan atau dianjurkan di tempat ibadah;
- xii. Mengusulkan projek yang direka secara khusus bagi tujuan akademik atau disampaikan di bawah naungan sesebuah sekolah atau institusi pengajian tinggi dan merupakan sebahagian daripada kurikulumnya;
- xiii. Mengusulkan projek yang tidak sesuai untuk tatapan khalayak awam;
- xiv. Mengusulkan projek, sekiranya berkaitan, yang tidak dapat memperoleh lesen pasaran yang berkaitan (contohnya, kelulusan majlis tempatan atau PUSPAL).

TERMA RUJUKAN

5. Berapa lamakah tempoh pendanaan geran dan garis masa pelaksanaan projek?

- 5.1. Pemohon perlu melaksanakan projek yang telah diluluskan dalam tempoh maksimum dua belas (12) bulan, dengan syarat semua prasyarat dipenuhi mengikut keperluan MyCreative. Rujuk carta alir di bawah:

Carta Alir Proses Dana Padanan:



- Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan oleh MyCreative melalui e-mel atau sistem permohonan geran dalam talian;
- Pemohon yang berjaya akan menerima Surat Tawaran. Pemohon harus menjangkakan tempoh pemprosesan kira-kira tiga (3) bulan (atau lebih) dari tarikh akhir penghantaran permohonan hingga pengeluaran Surat Tawaran.
- Tarikh mula pelaksanaan projek adalah seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran atau Perjanjian;
- Selepas menandatangani Surat Tawaran, pemohon akan layak untuk melaksanakan projek secara keseluruhan dalam tempoh sehingga dua belas (12) bulan sehingga selesai dengan struktur pembayaran bagi pemohon yang layak adalah seperti berikut:

TERMA RUJUKAN

Surat Tawaran	Perjanjian	Laporan Kemajuan	Laporan Akhir
Bayaran Pertama: sehingga 20%, dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja selepas Surat Tawaran ditandatangani oleh penerima dana dan pihak MyCreative.	Bayaran Kedua: sehingga 30%, dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja selepas Perjanjian ditandatangani oleh penerima dana dan pihak MyCreative.	Bayaran Ketiga: sehingga 30%, dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja selepas MyCreative menerima dokumen berikut seperti yang dikehendaki MyCreative: i. Laporan Pencapaian dengan bukti penyelesaian aktiviti interim; ii. Bukti perbelanjaan 50% daripada Bayaran Pertama; iii. Bukti perbelanjaan 50% daripada Bayaran Kedua; dan iv. Bukti perbelanjaan 50% daripada peruntukan Penerima Dana.	Bayaran Akhir: sehingga 20% [termasuk potongan kos Duti Setem Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) yang ditanggung oleh pemohon yang berjaya], dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja selepas MyCreative menerima dokumen berikut seperti yang dikehendaki MyCreative: i. Laporan Akhir; ii. Tinjauan Pemantauan yang disediakan oleh MyCreative, iii. sebarang bahan tambahan untuk tujuan pelaporan (contohnya, foto, pautan video, visual, bahan pemasaran yang dihasilkan jika berkaitan, dll.); iv. Bukti perbelanjaan 30% daripada Bayaran Ketiga; v. Bukti perbelanjaan 30% daripada peruntukan Penerima Dana.

- v. Surat Tawaran dan Perjanjian mesti ditandatangani di pejabat MyCreative oleh Pemilik / Pengarah Syarikat / Organisasi, bersama seorang (1) saksi yang waras dan berumur sekurang-kurangnya 18 tahun (sebaik-baiknya individu yang terlibat dalam projek yang dicadangkan).
- vi. Bagi pemohon yang berjaya dan berpusat di luar Kuala Lumpur dan Selangor, dokumen tersebut mesti dicetak dalam tiga (3) salinan, ditandatangani dengan lengkap, dan dihantar melalui kurier ke pejabat MyCreative. Pemohon yang berjaya adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua kos percetakan dan penghantaran.

TERMA RUJUKAN

6. **Bagaimanakah cara untuk memohon Program ini?**

- 6.1. MyCreative hanya akan menerima borang permohonan secara elektronik melalui sistem pengurusan geran dalam talian yang boleh dilayari di laman web MyCreative di **www.mycreative.com.my**. Sila ambil maklum Tarikh Tutup Permohonan bagi tujuan pemprosesan seperti yang dinyatakan dalam Ringkasan di atas.
- 6.2. Anda dikehendaki untuk mengemukakan dokumen berikut bersama-sama dengan borang permohonan dalam talian:
 - i. Salinan Kad Pengenalan pengasas dan/atau pengarah organisasi pemohon yang jelas, imej hadapan dan belakang pada halaman kertas A4 yang sama.
 - ii. Laporan insolvensi pengasas dan/atau pengarah dari Jabatan Insolvensi Malaysia.
 - iii. Surat Akuan Kebankrapan (**templat akan disediakan**) pengasas dan/atau pengarah yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah.
 - iv. Untuk Syarikat / Perniagaan / Milikan Tunggal - Dokumen SSM, yang berkaitan:
 - a. Sijil perakuan pemerbadanan syarikat (Borang 9);
 - b. Butiran pemegang syer (Borang 24);
 - c. Butiran pengarah / pegawai (Borang 49); atau
 - d. Sijil pendaftaran perniagaan (Borang D (Kaedah 13));
 - e. Sijil perakuan pembaharuan pendaftaran perniagaan, jika berkaitan (Borang E (Kaedah 13));
 - v. Untuk Pertubuhan / Persatuan - Dokumen JPPM, yang berkaitan:
 - a. Sijil Pendaftaran; dan
 - b. Senarai Ahli Jawatankuasa.
 - vi. Untuk Syarikat yang berdaftar di bawah kerajaan negeri - Dokumen Kerajaan Negeri, yang berkaitan:
 - a. Sijil ordinan syarikat; atau
 - b. Sijil pendaftaran syarikat; atau
 - c. Lesen Berniaga.
 - vii. Laporan Insolvensi syarikat / perniagaan dari Jabatan Insolvensi Malaysia (bagi perniagaan yang berdaftar di bawah SSM).
 - viii. Perakuan Keutuhan Syarikat (Attestation of Company Good Standing) diperolehi daripada SSM (bagi syarikat Sdn. Bhd.)
 - ix. Surat kebenaran (**templat akan disediakan**) untuk MyCreative menjalankan semakan CTOS jika berkenaan, sebagai sebahagian daripada proses penilaian wajar. Dokumen ini mestilah dicop dengan cop rasmi syarikat / organisasi mematuhi format yang betul seperti ditetapkan oleh CTOS.
 - x. Profil / Portfolio – seperti portfolio kerja yang nyata, projek terdahulu dan rekod pencapaian yang mungkin merangkumi video, audio, imej atau bahan tertulis (jika ada).
 - xi. Cadangan Projek – sertakan butiran rancangan yang dicadangkan, Cadangan program / aktiviti, garis masa pelaksanaan, profil organisasi, sejarah projek terdahulu, cadangan strategi pemasaran dan pengedaran, artikel / ulasan jika ada dan apa-apa butiran sokongan lain.
 - xii. Belanjawan Projek – sertakan perincian pecahan untuk keseluruhan projek.
 - xiii. Garis Masa Projek – perlu menyediakan pecahan aktiviti / program bagi keseluruhan projek (**templat akan disediakan**).

TERMA RUJUKAN

- xiv. Bukti dana padanan –
 - a. Bukti penyata bank dan Akuan Berkanun (**templat akan disediakan**), (yang perlu disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah) untuk mengesahkan bahawa dana tersebut akan digunakan bagi tujuan projek yang dimaksudkan dan untuk memastikan bahawa kriteria geran dipenuhi; atau
 - b. Surat Komitmen daripada penaja atau penyumbang yang berwibawa dan dipercayai dengan maklumat jelas mengenai jumlah keseluruhan, jangka masa pembayaran yang dijangka serta butiran lain yang relevan mengikut kepuasan MyCreative.
- 6.3. Sila ambil maklum bahawa semua borang permohonan dalam talian akan disertakan dengan perakuan anda bahawa semua butiran permohonan adalah benar dan tepat, serta penerimaan kepada penafian yang dinyatakan dan kewajipan untuk mematuhi klausa berkenaan kerahsiaan (*confidentiality*) dan perlindungan (*indemnity*).
- 6.4. Semua permohonan akan melalui penapisan pra-permohonan. Hanya permohonan yang layak akan diproses dan dijemput ke Sesi Pembentangan (*pitching*) dengan Jawatankuasa Penilai.
- 6.5. MyCreative berhak untuk membatalkan mana-mana permohonan dan/atau mengubah mana-mana terma dan syarat pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.
- 6.6. Sila ambil maklum bahawa semua keputusan adalah muktamad, dan permohonan yang dihantar selepas Tarikh Tutup Permohonan tidak akan dipertimbangkan. Permohonan yang tidak dihantar melalui sistem pengurusan geran (contohnya, melalui e-mel, media sosial, salinan cetak yang dipos dsb.) **tidak akan diterima**.

7. **Siapakah yang boleh anda hubungi jika anda mempunyai soalan?**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila e-mel ke sdp@mycreative.com.my dengan tajuk e-mel dinyatakan sebagai Skim Dana Padanan MyCreative.

8. **Apakah yang akan berlaku selepas permohonan dihantar?**

- 8.1. Semua permohonan akan melalui penapisan pra-permohonan. Hanya permohonan yang memenuhi kriteria kelayakan akan diproses selepas Tarikh Tutup Permohonan. Pemohon yang layak akan dijemput untuk menghadiri Sesi Pembentangan (*pitching*) dengan Jawatankuasa Penilai.
- 8.2. Memandangkan jumlah peruntukan adalah terhad, sila ambil maklum bahawa permohonan anda akan dinilai dan disenaraipendekkan oleh Jawatankuasa Penilai yang terdiri daripada penggiat industri yang berpengalaman dan dihormati. Keputusan penilaian akan disyorkan kepada Jawatankuasa Pelulus bagi tujuan semakan dan kelulusan.

TERMA RUJUKAN

8.3. Sebagai peringatan, MyCreative berhak, melalui budi bicara Jawatankuasa Penilai dan Jawatankuasa Pelulus, untuk menentukan jumlah dana padanan dan senarai butiran bajet yang akan diberikan berdasarkan pertimbangan Jawatankuasa Penilai dan Jawatankuasa Pelulus terhadap keseluruhan projek yang dicadangkan, kos yang terlibat, serta keselarasan projek tersebut dengan objektif Program. **Oleh itu, terdapat kemungkinan bahawa pemohon yang berjaya mungkin tidak menerima jumlah penuh seperti yang dipohon.**

8.4. Semua permohonan yang dihantar kepada MyCreative akan dikendalikan dengan sulit dan dirahsiakan dengan ketat.

8.5. Permohonan akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:

No.	Skop Penilaian	Kriteria Penilaian
1	Merit Kesempurnaan Kertas Kerja dan Kertas Cadangan Projek	a. Impak hasil karya baharu / IP baharu yang dicadangkan; b. Daya cipta dan kreativiti projek; c. Penghuraian yang jelas tentang penerangan dan objektif projek; d. Daya maju komersil dan kebolehskalaan cadangan projek (jika berkenaan); dan e. Projek yang dicadangkan membentangkan hasil kreatif yang jelas, seperti kandungan berasaskan video, penerbitan, dokumentasi, teks, skrip, skor, atau mana-mana format lain yang berkaitan.
2	Sumbangan dan Impak kepada Industri yang Berkenaan di Malaysia	a. Penajaan tenaga kerja kepada industri (sama ada baru atau sedia ada); b. Projek yang dicadangkan berpotensi untuk dikembangkan kepada khalayak di peringkat tempatan dan antarabangsa; dan c. Projek yang dicadangkan telah menunjukkan sumber dana padanan yang telah diperolehi sebelum permohonan dibuat.
3	Daya Maju Kewangan dan Dana Padanan	a. Bajet yang dibentangkan realistik mengikut harga pasaran semasa; b. Kekukuhan bukti kewangan (Cash funds) yang dikemukakan; dan c. Potensi projek yang dicadangkan menjana pendapatan untuk kelangsungan syarikat.

TERMA RUJUKAN

4	Keupayaan Pelaksanaan & Pasukan	a. Pemohon menunjukkan rekod prestasi nyata projek/ kerja lepas dalam industri dengan pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun, serta menunjukkan pencapaian terdahulu yang ketara atau telah mendapat pengiktirafan dalam industri yang berkenaan di Malaysia atau di luar negara. b. Pemohon menunjukkan keupayaan untuk menyelesaikan projek yang dicadangkan berdasarkan perincian projek, perancangan, pengurusan, usaha pemasaran / promosi, dsb.
---	---------------------------------	---

8.6. Permohonan Berjaya

Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel atau sistem pengurusan geran bersama butiran yang ditetapkan.

8.7. Permohonan Tidak Berjaya

Pemohon yang tidak berjaya juga akan menerima makluman rasmi daripada MyCreative.

8.8. Rayuan

MyCreative tidak akan melayan sebarang rayuan. Semua keputusan adalah muktamad dan mengikat.

9. Apakah hasil kerja (deliverables) dan laporan yang dijangkakan daripada pemohon yang berjaya?

9.1. Pemohon yang berjaya dijangka untuk:

- Memenuhi keperluan dan mematuhi terma seperti yang dinyatakan dan digariskan dalam Terma Rujukan, Surat Tawaran dan Perjanjian sebagai sebahagian daripada penyertaan dalam Program;
- Melaksanakan projek seperti yang dinyatakan dalam cadangan yang telah diluluskan dan mematuhi keperluan pelaporan seperti yang telah dipersetujui;
- Berhubung secara berkala dengan MyCreative untuk memberikan kemas kini mengenai kemajuan projek atau memaklumkan sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam skop kerja yang dicadangkan. Pemohon yang berjaya hanya layak membuat dua (2) permohonan pindaan. Permohonan pindaan tersebut akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Kelulusan untuk pertimbangan dan kelulusan.

Permohonan Pindaan 1	Dalam tempoh dua (2) bulan selepas Surat Tawaran ditandatangani
Permohonan Pindaan 2	Tiga (3) bulan sebelum tamat Tempoh Pelaksanaan Projek

TERMA RUJUKAN

- iv. Menggunakan garis panduan jenama MyCreative (seperti logo dll) pada semua bahan dan platform pemasaran, promosi dan komunikasi yang berkaitan bagi tujuan promosi;
- v. Melengkapkan dan menghantar hasil yang diperlukan bagi tujuan pelaporan yang merangkumi (antara lain):
 - a) Laporan pada setiap peringkat pencapaian seperti yang telah dinyatakan;
 - b) Laporan Akhir pada penghujung tempoh projek, bersama dengan Tinjauan Pemantauan yang disediakan oleh MyCreative;
 - c) Hasil Kreatif Akhir iaitu dalam bentuk skor lengkap, skrip, teks, transkrip, album, EP, episod lengkap, dokumentasi video, rakaman audio, lakaran, dan lain-lain mengikut kesesuaian;
 - d) Penyata kewangan akhir beserta bukti perbelanjaan (contohnya, resit, invois, baucar pembayaran, bukti transaksi dan sebagainya);
 - e) Bahan sokongan untuk dokumentasi (contohnya, foto beresolusi tinggi, pautan video, visual/ poster, bahan promosi yang dihasilkan jika berkaitan dan sebagainya);
- vi. Menyertai mana-mana sesi maklum balas, aktiviti promosi, media dan/atau penglibatan PR/ temu bual atau aktiviti untuk tujuan dokumentasi yang dianjurkan oleh MyCreative sekiranya diperlukan.

10. Larangan dan Pembatalan Pembiayaan

10.1. Pembiayaan Progrm ini memberi keutamaan kepada permohonan **yang tidak**:

- i. Menghina atau merendahkan seseorang, kumpulan atau mana-mana kelas individu atas dasar bangsa, agama dan/atau institusi diraja, dan/atau menimbulkan konflik atau salah faham dalam masyarakat pelbagai budaya dan agama kita; dan
- ii. Mengancam keselamatan atau kestabilan negara.

10.2. MyCreative berhak untuk membatalkan sebarang permohonan / kelulusan dan menuntut semula semua dana sekiranya berlaku:

- i. Penghinaan secara langsung atau tidak langsung terhadap reputasi MyCreative atau mana-mana pihak bersekutunya;
- ii. Kegagalan untuk memenuhi terma dan syarat Program ini, termasuk mendapatkan atau mengesahkan dana padanan tunai yang diperlukan semasa permohonan;
- iii. Perubahan dalam skop projek tanpa notifikasi dan kelulusan awal daripada MyCreative;
- iv. Ketidakupayaan untuk menyiapkan projek seperti yang dinyatakan dalam cadangan yang telah diluluskan (tanpa justifikasi yang munasabah);

TERMA RUJUKAN

- v. Pelanggaran terhadap terma dan syarat yang telah ditetapkan dan dipersetujui dalam Terma Rujukan, Surat Tawaran dan Perjanjian seperti yang disyaratkan bagi penyertaan dalam Program.
- 10.3. Kelulusan dana untuk Program ini adalah tertakluk kepada jumlah keseluruhan peruntukan sebenar yang diperuntukkan oleh Kerajaan dalam Belanjawan 2024 Malaysia, di mana jumlah yang diluluskan adalah tertakluk kepada peruntukan terakhir dan ketersediaan dana sebenar daripada pihak berkuasa Kerajaan.
- 10.4. MyCreative berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, melaraskan dan mengagihkan dana sehingga jumlah maksimum yang ditentukan, berdasarkan peruntukan sebenar yang diterima.
- 10.5. Sebarang perubahan dalam peruntukan Kerajaan mungkin mengakibatkan penyesuaian yang sepadan kepada tahap pembiayaan yang diluluskan dan mungkin tertakluk kepada perubahan berdasarkan peruntukan akhir Kerajaan, yang mungkin dimaklumkan pada bila-bila masa selepas penerbitan Terma Rujukan ini.

TENTANG MYCREATIVE VENTURES SDN BHD

MyCreative Ventures Sdn. Bhd. (berikutnya dirujuk sebagai "MyCreative" atau "Kumpulan MyCreative") telah ditubuhkan untuk memajukan industri kreatif Malaysia melalui pelaburan strategik dan bantuan kewangan yang inovatif. Ditubuhkan pada tahun 2012, MyCreative adalah anak syarikat milik sepenuhnya Kementerian Kewangan (Berhad), di bawah bidang kuasa Kementerian Komunikasi. Kumpulan MyCreative terus menyokong industri kreatif dengan memperkenalkan unitnya, iaitu RIUH dan CENDANA sejak tahun 2017.

PENJELASAN PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN

Dokumen ini disediakan dalam Bahasa Malaysia selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2020 dan arahan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengenai Pemerkasaan Penggunaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan Awam. Kerajaan Malaysia mewajibkan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam semua urusan rasmi, termasuk dokumen perjanjian, garis panduan dana awam, dan komunikasi rasmi untuk memartabatkan identiti negara serta memastikan kejelasan komunikasi kepada seluruh lapisan masyarakat (Rujukan: [Portal Rasmi JPA](#)).